KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)
MINISTRY OF YOUTH AND SPORTS

Menara KBS, No.27 Persiaran Perdana,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62570 Putrajaya.

www.kbs.gov.my

KBSMalaysia

eISBN 978-967-25569-7-8

WANITA DALAM SUKAN

PELAN TINDAKAN WANITA DALAM SUKAN

2026 - 2030



WANITA DALAM SUKAN

Cetakan Pertama 2026
Kementerian Belia dan Sukan (KBS)

Hak cipta terpelihara, tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan segala alat, sama ada dengan elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan.

Diterbitkan oleh:
Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
Menara KBS, No.27 Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62570 Putrajaya.
Tel : 03-8871 3000
Faks : 03-8888 8763
Laman Web : www.kbs.gov.my





Kandungan

- VISI & RINGKASAN EKSEKUTIF 04
- DASAR DAN PERUNDANGAN
  - Malaysia 07
  - Antarabangsa 08
- SASARAN DAN PENCAPAIAN TAHUN 2021-2025 09
- SASARAN TAHUN 2026-2030 10
- ANALISIS JURANG 12
- ISU DAN CABARAN 14
- KERANGKA STRATEGIK 16
- TERAS
  - Teras 1 : Polisi Dan Tadbir Urus 18
  - Teras 2 : Profesionalisme 20
  - Teras 3 : Penyertaan Dan Penglibatan 23
  - Teras 4 : Penyelidikan Dan Pembangunan 26
  - Teras 5 : Promosi Dan Advokasi 28
- PENILAIAN DAN PEMANTAUAN 30
- KESIMPULAN 32
- SUMBER RUJUKAN 34

KANDUNGAN

Visi

Memperkasa wanita dalam penyertaan, pembangunan dan kepimpinan bagi membina landskap sukan negara yang lebih inklusif, adil dan progresif.



Ringkasan EKSEKUTIF

Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan 2026-2030 merupakan kesinambungan komitmen Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk memperkasa penyertaan wanita secara menyeluruh dalam ekosistem sukan negara. Pelan ini dirangka selaras dengan Dasar Sukan Negara, Visi Sukan Negara 2030, Dasar Wanita Negara dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 2030), mengambil pendekatan menyeluruh dan berasaskan bukti dalam menangani cabaran sebenar yang dihadapi oleh wanita dalam sukan.

Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia 2024 (IBSM'24) menunjukkan tahap penglibatan wanita dalam aktiviti sukan, senaman dan rekreasi masih rendah berbanding lelaki. Dapatan ini menzahirkan keperluan mendesak untuk memperkukuh dasar dan pelaksanaan intervensi yang lebih inklusif dan responsif gender dalam ekosistem sukan negara. Pencapaian atlet wanita di peringkat kebangsaan dan antarabangsa menunjukkan potensi yang sangat memberangsangkan. Seiring dengan itu, penyertaan wanita dalam bidang kejurulatihan, pentadbiran dan kepimpinan sukan berpeluang diperkukuh bagi memastikan ekosistem sukan yang lebih inklusif dan seimbang.

Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan 2026-2030 dirangka sebagai langkah strategik untuk memperkukuh penyertaan wanita dalam semua peringkat pembangunan sukan daripada akar umbi hingga ke jawatan kepimpinan, sekaligus menyumbang kepada ekosistem sukan yang inklusif dan berdaya saing. Pelan ini turut diselaraskan dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang menekankan prinsip pembangunan inklusif, kesaksamaan gender dan pengarusperdanaan wanita dalam sektor sosial dan ekonomi.

Pelan ini menggariskan lima teras utama iaitu polisi dan tadbir urus, profesionalisme, penyertaan dan penglibatan, penyelidikan dan pembangunan serta promosi dan advokasi. Ia mengandungi 5 objektif strategik, 18 strategi dan 30 program yang akan dilaksanakan secara berfasa sepanjang 5 tahun. Antara sasaran utama termasuk meningkatkan penglibatan jurulatih wanita kepada 30%, penglibatan pegawai teknikal wanita ke tahap 35%, memastikan sekurang-kurangnya 30% wanita memegang jawatan tertinggi dalam badan sukan kebangsaan mencapai skor IBSM wanita melebihi 55 dan menekankan keperluan mewujudkan persekitaran sukan yang selamat melalui prinsip sukan selamat dan tadbir urus berintegriti dengan menetapkan penyelesaian aduan sukan selamat sekurang-kurangnya 30%.

Pelaksanaan pelan ini menggunakan pendekatan *whole-of-nation* melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan, badan sukan, NGO, sektor swasta, institusi akademik dan komuniti akar umbi. KBS bertindak sebagai penyelaras utama, disokong oleh agensi pelaksana seperti Majlis Sukan Negara, Institut Sukan Negara, Jabatan Belia dan Sukan Negara, Pesuruhjaya Sukan dan Persatuan Sukan Kebangsaan. Mekanisme pemantauan sistematik melalui Jawatankuasa Wanita Dalam Sukan akan memastikan pelaksanaan berkesan dan penilaian impak yang berterusan.

Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan 2026-2030 merupakan manifestasi komitmen negara dalam membina ekosistem sukan yang adil, selamat dan berdaya saing bagi wanita, sekaligus menjadi pemangkin transformasi budaya sukan yang lebih progresif untuk menyumbang kepada pembangunan modal insan, perpaduan sosial dan kemajuan negara.

Dasar & PERUNDANGAN



Pembangunan wanita dalam sukan di Malaysia disokong oleh ekosistem dasar serta kerangka perundangan di peringkat nasional dan antarabangsa. Dasar dan instrumen undang-undang ini menyediakan hala tuju yang jelas, prinsip tadbir urus yang baik dan komitmen negara ke arah penyertaan wanita yang adil, selamat dan inklusif dalam ekosistem sukan.

Kerangka dasar tersebut turut membuka ruang yang lebih luas untuk wanita terlibat dalam sukan melalui prinsip kesaksamaan, pembangunan bakat, penglibatan dalam kepimpinan, perlindungan hak, kebajikan atlet serta peluang kerjaya dalam bidang seperti kejurulatihan, pentadbiran, sains sukan dan keusahawanan sukan.

Selaras dengan komitmen global terhadap kesaksamaan gender, Malaysia turut mengambil manfaat daripada agenda dan amalan antarabangsa melalui deklarasi, piagam dan perjanjian yang mengangkat penyertaan dan kepimpinan wanita dalam sukan. Kesemua instrumen ini menjadi pemangkin penting dalam merangka Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan 2026–2030, sekaligus memastikan usaha yang dilaksanakan seiring dengan perkembangan semasa, amalan terbaik global dan aspirasi nasional.

Malaysia

MALAYSIA

DASAR SUKAN NEGARA



Dasar Sukan Negara (DSN) menjadi panduan pembangunan sukan Malaysia yang holistik, inklusif dan mampan, merangkumi penyertaan menyeluruh, tadbir urus yang telus serta pembangunan bakat sebagai wahana perpaduan negara. Selaras dengan semangat DSN, pemerkasaan wanita dalam penyertaan, pembangunan dan kepimpinan sukan merupakan tunjang penting dalam merealisasikan ekosistem sukan negara yang adil, berdaya saing dan progresif.

AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997 [AKTA 576]



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN
TEKS CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 576

AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997

Sebagaimana pada 10 Mac 2021

Akta Pembangunan Sukan 1997 (Akta 576) merupakan kerangka perundangan utama yang memastikan pembangunan dan pentadbiran sukan Malaysia dijalankan secara teratur, berakauntabiliti dan selamat. Selaras dengan kerangka ini, pemerkasaan wanita dalam sukan perlu diperkukuh melalui tadbir urus yang telus dengan memastikan wanita diberi ruang setara dalam struktur organisasi, kepimpinan dan proses membuat keputusan di semua peringkat.

DASAR WANITA NEGARA



Dasar Wanita Negara menetapkan hala tuju bagi memperkasa kedudukan dan peranan wanita dalam semua bidang termasuk ekonomi, kepimpinan, keselamatan dan kesejahteraan. Melalui dasar ini, komitmen negara terhadap kesaksamaan gender dan pembangunan inklusif diterjemahkan dalam bentuk strategi dan inisiatif yang menyokong penglibatan aktif wanita dalam arus pembangunan negara.

VISI SUKAN NEGARA 2030



Visi Sukan Negara 2030 bertujuan membangunkan sukan yang inklusif, mampan dan berprestasi tinggi sebagai pemacu kesejahteraan rakyat dan ekonomi negara. Dalam merealisasikan visi ini, pemerkasaan wanita dalam penyertaan, pembangunan bakat dan kepimpinan sukan menjadi agenda strategik yang tidak boleh dipinggirkan demi membina ekosistem sukan negara yang seimbang, adil dan berdaya saing.

ANTARABANGSA



Title IX –Education Amendments 1972 (USA)

Title IX of the Education Amendments 1972 (Amerika Syarikat) yang menegaskan bahawa tiada individu boleh dikecualikan daripada penyertaan dalam program pendidikan atau aktiviti sukan atas dasar jantina, menjadi panduan kepada komitmen KBS dalam memastikan akses yang saksama dan peluang yang setara bagi wanita dalam ekosistem sukan negara



Olympic Charter

Piagam Olimpik yang menegaskan kepentingan kemajuan wanita dalam sukan di semua peringkat menjadi panduan kepada pelan ini dalam meningkatkan penglibatan dan kepimpinan wanita dalam ekosistem sukan negara daripada peringkat akar umbi hingga ke peringkat elit



Brighton Plus Helsinki 2014 Declaration

Brighton Plus Helsinki Declaration 2014 yang merupakan kerangka global terkemuka bagi memajukan kesaksamaan gender dalam sukan melalui 10 prinsip merangkumi penyertaan, kepimpinan, pendidikan dan tadbir urus, menjadi panduan KBS dalam membina budaya sukan yang inklusif, mampan dan menjamin penglibatan penuh wanita dalam semua aspek sukan negara



ASEAN Ministerial Meeting on Sports (AMMS)

AMMS yang menyokong peningkatan penyertaan wanita dalam sukan serantau menjadi pemangkin kepada pendekatan KBS dalam memperkukuh kerjasama serantau melalui pembangunan kepimpinan, peluang penyertaan dan program sukan inklusif bagi wanita di seluruh peringkat



Sustainable Development Goals 2030

KBS komited dalam memperjuangkan kesaksamaan gender dan pemerkasaan wanita selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG 5) yang menekankan kesaksamaan gender sebagai agenda global yang perlu direalisasikan. Komitmen ini menjadi teras kepada usaha KBS dalam memastikan wanita mendapat akses yang saksama dan peluang yang setara untuk menyertai, membangun dan menerajui dalam ekosistem sukan negara secara menyeluruh dan bermakna.



Kazan Action Plan 2017

Pelan Tindakan Kazan 2017 yang mengenal pasti kesaksamaan gender sebagai salah satu bidang dasar utama menjadi rujukan kepada hala tuju KBS dalam melaksanakan inisiatif yang bersasar bagi memperkukuh penglibatan dan pemerkasaan wanita dalam sukan secara sistematik dan berterusan.




Convention On The Elimination Of All Forms Of Discrimination Against Women (CEDAW)

CEDAW yang memperuntukkan hak wanita untuk menyertai secara aktif dalam sukan dan pendidikan jasmani menjadi landasan kepada inisiatif KBS dalam menggubal dasar dan program yang memastikan tiada halangan diskriminasi terhadap penyertaan wanita dalam ekosistem sukan negara


Sasaran & Pencapaian TAHUN 2021-2025

1	2	3	4
Penglibatan jurulatih wanita mencapai tahap 30%	Penglibatan pegawai teknikal wanita mencapai tahap 30%	Peratusan wanita memegang jawatan tertinggi dalam badan sukan kebangsaan meningkat kepada 30%	Indeks Budaya Sukan Malaysia (IBSM) - mencapai skor >55
PENCAPAIAN 2025 **20%**	PENCAPAIAN 2025 **30%**	PENCAPAIAN 2025 **20.67%**	PENCAPAIAN 2025 **43.30**



Sasaran
TAHUN 2026-2030

1. Penglibatan jurulatih wanita mencapai tahap 30%
2. Penglibatan pegawai teknikal wanita mencapai tahap 35%
3. Peratusan wanita memegang jawatan tertinggi dalam badan sukan kebangsaan meningkat kepada 30%
4. Indeks Budaya Sukan Malaysia (IBSM) - mencapai skor >55
5. Penyelesaian aduan sukan selamat mencapai 30%





Analisis JURANG PTWDS 2021-2025

Terdapat jurang dalam mencapai sasaran Pelan Tindakan Wanita dalam Sukan 2021–2025, namun perkembangan positif telah dicatatkan dalam penglibatan wanita dalam sukan. Jurang yang wujud berkait rapat dengan faktor sosial, struktur dan institusi, merangkumi aspek kesedaran, kapasiti, akses kepada fasiliti serta sokongan yang sesuai bagi wanita. Justeru, huraian jurang ini menjadi asas dalam merangka strategi dan intervensi 2026–2030 bagi memperkukuh penyertaan wanita, meningkatkan kapasiti kepimpinan serta membina ekosistem sukan yang inklusif dan kondusif.

BIL	SASARAN	PENCAPAIAN	JURANG	PUNCA	LANGKAH KE HADAPAN
1.	Penglibatan jurulatih wanita mencapai tahap 30%	20%	10%	• Data yang diperolehi terhad kepada jurulatih di bawah program MSN termasuk di bawah Program Wanita Dalam Sukan • Data yang diperolehi tidak menggambarkan situasi kejurulatihan sebenar seluruh negara • Kurang kesedaran/ kemahuan untuk meningkatkan kapasiti diri dalam memiliki pensijilan kejurulatihan	• Memperluaskan skop data termasuk dari MS Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Persatuan Sukan Kebangsan (PSK), Institut Sukan Negara dan lain-lain • Memastikan PSK sentiasa mengemaskini *database* • Menitikberatkan kesedaran untuk menyambung lesen
2.	Penglibatan pegawai teknikal wanita mencapai tahap 30%	30%	Tiada	Sasaran tercapai	• Mengekalkan pencapaian 30% atau lebih pelaksanaan program Wanita Dalam Sukan dan PSK • Meneruskan program pengumpulan data berdasarkan bukti yang lebih efisien dan dikemaskini oleh PSK
3.	Peratusan wanita memegang jawatan tertinggi dalam badan sukan kebangsaan meningkat kepada 30%	20.67%	9.33%	• Data bagi 2021-2023 adalah berdasarkan badan sukan di pelbagai peringkat manakala tahun 2024 melibatkan badan sukan kebangsaan • Data yang diperolehi adalah untuk PSK dan bukan semua badan sukan yang berdaftar di bawah PJS negeri, daerah dan kelab	• Mengukuhkan mekanisme pengumpulan dan repositori data • Mewujudkan latihan kepimpinan berstruktur • Meningkatkan penyertaan wanita dalam seminar/ persidangan tempatan dan antarabangsa • Melaksanakan promosi dan advokasi yang lebih agresif
4.	Indeks Budaya Sukan Malaysia - mencapai skor >60* *(skor telah dipinda kepada 55 selaras dengan sasaran RMK-12)	43.3	11.7	• Tahap motivasi wanita untuk menyertai aktiviti sukan masih rendah kerana mereka lebih mengutamakan kerja dan tanggungjawab keluarga • Faktor kesihatan seperti obesiti, sakit sendi atau kehamilan serta ketiadaan sokongan sosial yang konsisten menjadi penghalang untuk mereka aktif dalam sukan • Fasiliti sukan yang ada masih belum mesra wanita kerana kurang ruang privasi, sukar diakses dan membebankan dari segi kos • Program komuniti yang sedia ada kurang memberi tumpuan kepada keperluan wanita dan kurang inklusif • Kekurangan ikon wanita dalam bidang sukan menyebabkan mereka kurang dijadikan sebagai sumber inspirasi kepada masyarakat	• Menambah baik fasiliti sukan supaya lebih mesra wanita dan keluarga • Memperbanyak kan program komuniti yang inklusif serta sesuai dengan keperluan wanita • Menonjolkan lebih ramai ikon wanita sebagai inspirasi dalam sukan • Menawarkan yuran penyertaan pada kadar yang lebih berpatutan • Menyusun jadual aktiviti yang fleksibel dan selamat untuk wanita • Menyokong penyelidikan dan pembangunan berkaitan wanita dalam sukan melalui dana khas

ISU DAN Cabaran

Penyertaan wanita dalam sukan dipengaruhi oleh pelbagai faktor merangkumi aspek sosial, struktur dan institusi seperti keluarga, sistem pendidikan, industri sukan, media, kewangan serta keselamatan. Seiring dengan pencapaian atlet wanita yang semakin membanggakan, peluang untuk memperluas penglibatan wanita dalam ekosistem sukan perlu dimanfaatkan melalui penambahbaikan akses kepada kemudahan, sokongan, kerjaya dan kepimpinan. Pendekatan ini bertujuan memastikan peluang yang saksama serta persekitaran sukan yang kondusif dan inklusif bagi wanita sebagai peserta, jurulatih, pentadbir, pegawai mahupun pemimpin. Namun begitu, dalam usaha memperkukuh penyertaan wanita, pemegang taruh masih berdepan beberapa isu dan cabaran utama yang perlu ditangani, antaranya adalah seperti berikut:



ISU DAN CABARAN

ISU DAN CABARAN

ISU DAN CABARAN

PERSEPSI DAN MENTALITI

- Peranan wanita dalam institusi kekeluargaan untuk mengurus anak dan hal-hal rumah tangga menyebabkan wanita tiada masa untuk bersukan
- Bersukan hanya untuk lelaki

JURULATIH DAN PEGAWAI SUKAN

- Kurang jurulatih wanita
- Tiada jaminan kerjaya
- Gaji jurulatih tempatan tidak setimpal berbanding jurulatih asing

SISTEM PENDIDIKAN

- Pendidikan jasmani perlu memberi lebih penekanan dan tumpuan terhadap sukan-sukan yang mampu menarik minat pelajar wanita
- Kekurangan fasiliti dan peralatan sukan

FASILITI

- Wanita kurang selesa untuk melakukan aktiviti dengan kehadiran lelaki
- Kurang fasiliti yang selamat dan mesra OKU
- Persekitaran fasiliti sukan tidak selamat untuk kaum wanita
- Sesi latihan lazimnya didominasi oleh golongan lelaki

KEPIMPINAN

- Majoriti jawatan penting dalam badan sukan didominasi oleh golongan lelaki
- Komitmen dan tumpuan wanita terhadap keluarga khususnya para ibu lebih tinggi berbanding lelaki
- Cuti bersalin sering dijadikan alasan sebagai kekangan kepada golongan wanita untuk memberikan komitmen dan tumpuan secara berterusan

KEWANGAN

- Kekangan peruntukan untuk merancang program sukan wanita
- Peruntukan sedia ada tertumpu kepada program-program sukan prestasi tinggi yang boleh menyumbang pingat di kejohanan/ temasya sukan

PENYERTAAN AKAR UMBI

- Sukan yang dilabelkan milik sebagai sukan lelaki masih kurang didedahkan kepada wanita
- Kurang program galakan di peringkat akar umbi untuk wanita termasuk wanita OKU

SUKAN SELAMAT

- Kebanyakan badan sukan tiada dasar atau garis panduan yang jelas untuk melindungi wanita daripada keganasan berasaskan jantina
- Aduan Keganasan tidak dilaporkan kerana mekanisme pelaporan yang lemah dan stigma terhadap masyarakat
- Kurang kesedaran dalam kalangan jurulatih dan pegawai mengenai isu keganasan dan gangguan seksual

PROMOSI DAN MEDIA

- Kejayaan wanita kurang mendapat liputan *(airtime)* di media berbanding lelaki
- Program sukan wanita sukar mendapat penajaan

ISU DAN CABARAN



KERANGKA STRATEGIK PTWDS 2026-2030

VISI

MEMPERKUKUH LANDSKAP SUKAN YANG INKLUSIF, ADIL DAN PROGRESIF MELALUI PEMERKASAAN PERANAN WANITA DALAM PENYERTAAN, PEMBANGUNAN DAN KEPIMPINAN

TERAS 1

POLISI DAN TADBIR URUS

OBJEKTIF:

Menambahbaik polisi dan dasar untuk menjamin keterlibatan wanita

STRATEGI :

- Memantau pelaksanaan pelan tindakan
- Meningkatkan penyertaan wanita dalam kepimpinan badan sukan
- Memantapkan pengurusan aduan sukan selamat
- Memperkasakan sinergi strategik dalam dan luar negara

5 PROGRAM

TERAS 2

PROFESIONALISME

OBJEKTIF:

Meningkatkan penglibatan atlet, jurulatih, pegawai teknikal pentadbir sukan dan memastikan fasiliti adalah mesra-wanita

STRATEGI :

- Memperkukuh pembangunan kapasiti atlet, jurulatih dan pegawai teknikal wanita melalui pendekatan berstruktur, sistematik dan berfokus
- Meningkat profesionalisme pentadbir wanita dalam sukan
- Menambahbaik fasiliti bagi menggalakkan penglibatan wanita

9 PROGRAM

TERAS 3

PENYERTAAN DAN PENGLIBATAN

OBJEKTIF:

Meningkatkan penyertaan dan penglibatan wanita dalam sukan

Mengenalpasti bakat baharu dalam sukan untuk semua

STRATEGI :

- Meningkatkan penyertaan wanita dalam sukan di peringkat akar umbi
- Meningkatkan pembangunan kapasiti bagi pegawai teknikal, instruktur dan jurulatih wanita dalam sukan kecergasan dan rekreasi
- Meningkatkan penglibatan wanita sebagai sukarelawan dalam sukan untuk semua
- Mengukuhkan pengiktirafan dan persijilan wanita di peringkat antarabangsa
- Menyediakan platform penyertaan dan pengenalpastian bakat baharu dalam sukan untuk semua

8 PROGRAM

TERAS 4

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

OBJEKTIF:

Meningkatkan keupayaan penyelidikan, pembangunan dan inovasi berasaskan data

STRATEGI :

- Mengukuhkan hab data wanita dalam sukan
- Menjalankan penyelidikan komprehensif dan menyebarluas dapatan berkaitan wanita dalam sukan
- Menggalakkan penglibatan wanita dalam pembangunan teknologi dan inovasi berkaitan sukan

4 PROGRAM

TERAS 5

PROMOSI DAN ADVOKASI

OBJEKTIF:

Meningkatkan penglibatan wanita melalui advokasi dan kesedaran

STRATEGI :

- Mempromosikan inisiatif wanita dalam sukan
- Mempelbagaikan bahan - bahan penerbitan
- Melaksanakan advokasi merentas pelbagai sektor

4 PROGRAM

KERANGKA STRATEGIK

TERAS 1

Polisi & TADBIR URUS

Teras ini memberi penekanan kepada usaha memperkukuh dasar dan tadbir urus sukan bagi menjamin penyertaan wanita secara menyeluruh, adil dan mampan. Penambahbaikan dasar yang inklusif adalah penting untuk memastikan persekitaran sukan yang selamat, telus dan menyokong keterlibatan aktif wanita di semua peringkat kepimpinan. Pelaksanaan pelan tindakan yang berkesan serta pemantauan berterusan akan memastikan setiap inisiatif memberi impak kepada pembangunan wanita dalam sukan.

Teras ini juga menumpukan kepada pengurusan aduan Sukan Selamat dan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak dalam dan luar negara. Pendekatan ini bertujuan mengukuhkan jaringan kerjasama, perkongsian amalan terbaik dan keupayaan tadbir urus sukan yang lebih bertanggungjawab serta memperkasa peranan wanita sebagai pemacu pembangunan sukan negara.



POLISI DAN TADBIR URUS

Teras 1 : POLISI DAN TADBIR URUS (KETUA TERAS: BDS)

Objektif 1 : Menambahbaik polisi dan dasar untuk menjamin keterlibatan wanita

Strategi 1 : Memantau pelaksanaan pelan tindakan

Bil.	Program	Deskripsi Program	Sasaran Keberhasilan	Outcome	Impak	2026	2027	2028	2029	2030	Peneraju/ Pelaksana
1.	Jawatankuasa Wanita Dalam Sukan (JWDS)	Satu jawatankuasa khas yang menyelaras, memantau dan menetapkan hala tuju strategik bagi memastikan semua program yang telah dirancang dilaksanakan secara berkesan, inklusif dan selaras dengan hala tuju strategik, serta mencapai objektif pembangunan penyertaan wanita dalam sukan secara menyeluruh	Melaksanakan mesyuarat JWDS sekurang-kurangnya 2 kali setahun	Penyelarasan dan pemantauan program wanita dalam sukan yang lebih strategik dan berkesan	Peningkatan penyertaan wanita dalam sukan hasil daripada pelaksanaan program yang lebih terancang	2	2	2	2	2	**Peneraju** KBS **Pelaksana** MSN JBSN ISN IYRES PJS UKK
			Memantau pelaksanaan program tahunan sekurang-kurangnya 100 program setahun Baseline 2025: 100 program	Pemantauan dan pelaporan pelaksanaan program secara berkala dan sistematik	Peningkatan keberkesanan dan kualiti pelaksanaan program melalui pemantauan yang berterusan	100	100	100	100	100	
Strategi 2 : Meningkatkan penyertaan wanita dalam kepimpinan badan sukan											
2.	Kursus Kepimpinan, Perancangan dan Pengurusan Strategik Badan Sukan Kebangsaan	Menggalakkan badan sukan merangka pelan hala tuju yang lebih mesra wanita, mengamalkan tadbir urus yang baik dan menekankan prinsip kesaksamaan gender dalam organisasi	Sebanyak 200 badan sukan kebangsaan menyertai kursus pembangunan pelan strategik menjelang tahun 2030 Baseline 2025: 39 badan sukan kebangsaan	Peningkatan kapasiti kepimpinan badan sukan dalam perancangan strategik mesra gender	Peningkatan penyertaan wanita dalam jawatan kepimpinan dan membuat keputusan badan sukan	70	110	145	175	200	**Peneraju** KBS **Pelaksana** PJS PSK MOM
Strategi 3 : Memantapkan pengurusan aduan sukan selamat											
3.	Latihan Pegawai Fokal Sukan Selamat	Menyediakan modul dan latihan kepada pegawai fokal yang terlibat dalam pengurusan sukan selamat melalui program ini pegawai fokal dapat melaksanakan tugas mengikut tatacara yang ditetapkan	Memastikan sekurang-kurangnya 212 Badan Sukan Kebangsaan mempunyai Pegawai Fokal Sukan Selamat	Peningkatan keupayaan pegawai fokal dalam menguruskan dan melaksanakan program sukan selamat di peringkat badan sukan kebangsaan	Pengurangan risiko kecederaan dan peningkatan kesejahteraan atlet melalui pelaksanaan standard keselamatan yang lebih baik dalam aktiviti sukan	40	40	40	46	46	**Peneraju** MSN **Pelaksana** MSN PJS
4.	Pemurnian Perlembagaan Badan Sukan	Perlembagaan badan sukan kebangsaan dan negeri mengandungi peruntukan berkaitan persekitaran sukan selamat seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan Ketiga Akta 576	Memastikan 250 badan sukan kebangsaan dan negeri memasukkan peruntukan persekitaran sukan selamat seperti dinyatakan dalam Jadual Kedua dan Ketiga Akta 576 ke dalam perlembagaan masing-masing	Perlembagaan badan sukan kebangsaan dan negeri yang dikemaskini dan mematuhi peruntukan perundangan semasa serta memastikan penglibatan wanita diberi perhatian dalam perlembagaan	Penambahbaikan tadbir urus dan pematuhan kepada keperluan perundangan dalam pengurusan badan sukan kebangsaan dan negeri	50	50	50	50	50	**Peneraju** PJS **Pelaksana** PJS
Strategi 4 : Memperkasa sinergi strategik dalam dan luar negara											
5.	Program persidangan/ jaringan kerjasama/ seminar dan sesi libat urus dalam dan luar negara	Platform pertukaran idea dan jaringan kerjasama strategik antara semua pemegang taruh bagi memperkukuh pembangunan wanita dalam sukan	Pelaksanaan program persidangan/ jaringan kerjasama/ seminar dan sesi libat urus dalam dan luar negara Baseline 2025: 10 program setiap tahun	Pelaksanaan program perkongsian pengetahuan dan jaringan kerjasama yang berkesan di peringkat dalam dan luar negara	Peningkatan kapasiti kepimpinan dan pengurusan strategik sektor sukan melalui pembelajaran dan kerjasama strategik	10	10	10	10	10	**Peneraju** KBS **Pelaksana** MSN ISN JBSN
			Bilangan peserta yang menyertai program persidangan/ jaringan kerjasama/ seminar dan sesi libat urus dalam dan luar negara Baseline 2025: 500 orang setiap tahun	Penyertaan aktif pemegang taruh sukan dalam program perkongsian pengetahuan dan pembangunan kapasiti	Penambahbaikan amalan tadbir urus dan polisi sukan melalui pendedahan kepada amalan terbaik nasional dan antarabangsa	750	550	750	550	750	

2 TERAS

Profesionalisme

Teras ini memberi tumpuan kepada pembangunan ekosistem sukan yang kondusif dan inklusif bagi memperkukuh peranan wanita dalam semua dimensi sukan. Penekanan diberikan kepada penglibatan wanita bukan sahaja sebagai atlet, tetapi juga sebagai jurulatih, pegawai teknikal, pentadbir dan pengurus pasukan. Wanita Orang Kurang Upaya (OKU) turut diiktiraf sebagai sebahagian daripada ekosistem sukan yang perlu diberi ruang dan peluang yang sama rata. Usaha ini perlu dimulakan dari peringkat akar umbi melalui laluan pembangunan yang sistematik, merangkumi pendidikan sukan, latihan kejurulatihan, pembangunan kepimpinan serta peluang penyertaan dalam program dan kejohanan di pelbagai peringkat.

Penekanan turut diberikan kepada penyediaan kemudahan dan sistem sokongan yang mesra wanita, termasuk aspek keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan dalam persekitaran sukan. Melalui pelaksanaan teras ini, ekosistem sukan negara dijangka menjadi lebih seimbang, berdaya saing dan mampan.



PROFESIONALISME

Teras 2 : PROFESIONALISME (KETUA TERAS: MSN)

Objektif 1 : Meningkatkan penglibatan atlet, jurulatih, pegawai teknikal, pentadbir sukan dan memastikan fasiliti adalah mesra wanita

Strategi 1 : Memperkukuh pembangunan kapasiti atlet, jurulatih dan pegawai teknikal wanita melalui pendekatan berstruktur, sistematik dan berfokus

Bil.	Program	Deskripsi Program	Sasaran Keberhasilan	Outcome	Impak	2026	2027	2028	2029	2030	Peneraju/ Pelaksana
1.	Program Kejurulatihan Kebangsaan	Penetapan sasaran wanita dalam Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) di bawah Akademi Kejurulatihan Kebangsaan (AKK)	Pelaksanaan Kursus Sains Sukan Tahap I, II & III sebanyak 5 program setahun atau 25 program dalam tempoh 5 tahun Baseline 2021-2025: 12 kursus	Pelaksanaan Kursus Sains Sukan yang sistematik dan berkualiti untuk pembangunan jurulatih kebangsaan	Peningkatan kompetensi dan profesionalisme jurulatih dalam membangunkan atlet berprestasi tinggi	5	5	5	5	5	**Peneraju** MSN **Pelaksana** MSN ISN
2.	Program Kejurulatihan Bersepadu	Kolaborasi bersama Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) untuk meningkatkan bilangan jurulatih wanita	Pelaksanaan Kursus Sukan Spesifik sebanyak 8 program setahun atau 40 program dalam tempoh lima tahun Baseline: 2021-2025: 39 kursus	Kolaborasi dan perkongsian kepakaran yang berkesan antara persatuan sukan kebangsaan dalam pembangunan jurulatih wanita	Peningkatan bilangan dan kualiti jurulatih wanita yang kompeten dalam sektor sukan kebangsaan	8	8	8	8	8	**Peneraju** MSN **Pelaksana** MSN PSK
3.	Program Kepegawaian Teknikal Sukan	Penetapan sasaran penglibatan wanita dalam Kursus Kepegawaian Teknikal Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa	Pelaksanaan Kursus Kepegawaian Teknikal Peringkat Kebangaan dan Antarabangsa sebanyak 10 program setahun atau 50 program dalam tempoh lima tahun Baseline: 2021 - 2025: 27 kursus	Peningkatan keupayaan teknikal pegawai dalam penglibatan kepegawaian teknikal di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	Penambahbaikan standard kepegawaian teknikal dan pengiktirafan antarabangsa dalam pengendalian acara sukan	10	10	10	10	10	**Peneraju** MSN **Pelaksana** MSN ISN
4.	Program tindik juru-latih dalam dan luar negara	Mendapatkan pengalaman dan pertukaran pengetahuan berkaitan sukan dan penggunaan teknologi sukan terkini	Pertukaran pengetahuan berkaitan sukan dan penggunaan teknologi bersama jurulatih yang lebih berpengalaman sebanyak 3 program setahun atau 15 program dalam tempoh lima tahun	Perkongsian pengalaman, pengetahuan dan amalan terbaik melalui pertukaran jurulatih di peringkat dalam dan luar negara	Peningkatan kompetensi dan pendedahan jurulatih kepada pelbagai kaedah latihan dan sistem pembangunan atlet yang berkesan	3	3	3	3	3	**Peneraju** MSN **Pelaksana** MSN ISN PSK
5.	Program Mentorship	Membangunkan program mentoring komprehensif untuk atlet, jurulatih dan pentadbir wanita dalam sukan secara berstruktur	Memperkasakan kemahiran spesifik sukan, pembangunan profesional dan sokongan psikososial sebanyak 2 program setahun atau 10 program dalam tempoh lima tahun Baseline 2025: 2 program	Pembangunan kemahiran spesifik sukan dan sokongan psikososial yang berstruktur untuk atlet, jurulatih dan pentadbir wanita melalui program mentoring komprehensif	Peningkatan profesionalisme dan kesejahteraan atlet, jurulatih dan pentadbir wanita dalam sektor sukan negara	2	2	2	2	2	**Peneraju** MSN **Pelaksana** MSN

Teras 2 : PROFESIONALISME (KETUA TERAS: MSN)

Strategi 2 : Meningkatkan profesionalisme pentadbir wanita dalam sukan

Bil.	Program	Deskripsi Program	Sasaran Keberhasilan	Outcome	Impak	2026	2027	2028	2029	2030	Peneraju/ Pelaksana
6.	Kursus Pengurusan Sukan Kebangsaan	Kursus berkaitan pengendalian pengurusan dan pentadbiran sukan	Pelaksanaan 4 kali setahun atau 20 kursus dalam tempoh lima tahun Baseline: 2023-2025: 8 kursus	Peningkatan pengetahuan dan kemahiran dalam pengendalian, pengurusan dan pentadbiran sukan kebangsaan	Penambahbaikan kualiti pengurusan dan pentadbiran sukan di peringkat kebangsaan yang lebih profesional dan berkesan	4	4	4	4	4	**Peneraju** MSN **Pelaksana** MSN
7.	Program peningkatan kemahiran pemimp-in/ pentadbir sukan wanita	Bengkel/kursus bagi meningkatkan kompetensi pentadbir/ pemimpin bagi penyokong perkembangan profesional wanita dalam sukan	Pelaksanaan kursus 2 kali setahun atau 10 kursus dalam tempoh lima tahun Baseline 2023-2025: 3 program (Persidangan antarabangsa/ Seminar peringkat kebangsaan)	Peningkatan kompetensi kepimpinan dan pengurusan pentadbir wanita dalam sektor sukan melalui bengkel dan kursus yang berstruktur	Penyertaan yang lebih aktif dan berkesan pentadbir wanita dalam kepimpinan dan pembangunan profesional sektor sukan	2	2	2	2	2	**Peneraju** MSN **Pelaksana** MSN
8.	Kursus Continuous Coach Education (CCE)	Program pembangunan berterusan bagi memastikan jurulatih sukan meningkatkan kompetensi sejajar dengan perkembangan terkini dalam sains sukan, metadologi kejurulatihan dan prestasi atlet	Pelaksanaan kursus sebanyak 5 kali setahun dan 25 kursus dalam tempoh lima tahun Baseline 2024-2025: 12 kursus	Penambahbaikan kompetensi jurulatih secara berterusan dalam aspek sains sukan, metodologi kejurulatihan dan prestasi atlet	Peningkatan kualiti latihan dan prestasi atlet melalui pendekatan kejurulatihan yang berasaskan sains dan perkembangan terkini dalam bidang sukan	5	5	5	5	5	**Peneraju** MSN **Pelaksana** MSN ISN

Strategi 3 : Menambahbaik fasiliti bagi menggalakkan penglibatan wanita

1.	Infrastruktur Inklusif	Melaksanakan audit fasiliti supaya mempunyai ciri-ciri keselamatan dan mesra wanita	Penyediaan satu (1) garis panduan prasarana khas inklusif wanita	Garis panduan prasarana inklusif wanita yang komprehensif untuk dijadikan rujukan dalam pembangunan fasiliti sukan	Peningkatan akses dan keselesaan wanita dalam menggunakan fasiliti sukan melalui penyediaan prasarana yang mesra wanita	1	-	-	-	-	**Peneraju** MSN **Pelaksana** MSN JBSN
			Bilangan fasiliti yang diaudit dan memenuhi kriteria yang disarankan bagi fasiliti di bawah Majlis Sukan Negara (10 fasiliti) dan Jabatan Belia dan Sukan Negara (40 fasiliti)	Fasiliti sukan yang diaudit dan dinaiktaraf untuk memenuhi standard prasarana inklusif wanita	Persekitaran sukan yang lebih inklusif dan mesra wanita di kemudahan sukan awam di seluruh negara	5	15	10	10	10	

PENYERTAAN DAN PENGLIBATAN

Penyertaan & PENGLIBATAN

3 TERAS

Teras ini memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh penyertaan dan penglibatan wanita dalam sukan dari peringkat akar umbi. Fokus utama adalah memastikan lebih ramai wanita dan remaja perempuan diberi peluang serta galakan untuk terlibat dalam pelbagai aktiviti sukan, sama ada di peringkat sekolah, komuniti mahupun kelab. Melalui penyediaan program pembangunan bakat yang inklusif dan kemudahan sukan yang mesra wanita, teras ini membentuk asas kukuh untuk melahirkan generasi wanita yang aktif, berdaya saing dan berkeyakinan tinggi dalam bidang sukan.

Usaha ini disokong melalui kempen kesedaran bagi mengubah persepsi bahawa sukan adalah platform pembangunan diri untuk semua, bukan hanya untuk lelaki. Penglibatan aktif wanita di peringkat akar umbi juga membuka ruang untuk memperluas penyertaan mereka dalam bidang kejurulatihan, pengurusan dan teknikal.



Teras 3 : PENYERTAAN DAN PENGLIBATAN (KETUA TERAS: JBSN)

Objektif 1 : Meningkatkan penyertaan dan penglibatan wanita dalam sukan

Strategi 1 : Meningkatkan penyertaan wanita dalam sukan di peringkat akar umbi

Bil.	Program	Deskripsi Program	Sasaran Keberhasilan	Outcome	Impak	2026	2027	2028	2029	2030	Peneraju/ Pelaksana
1.	Program penggalakan sukan untuk semua	Program berteraskan aktiviti penggalakan sukan untuk semua seperti kecergasan, rekreasi, sukan baharu dan lain-lain	Peningkatan 10% aktiviti setiap tahun Baseline 2025: 2,200 aktiviti	Peningkatan penyertaan dan akses kepada aktiviti penggalakan sukan untuk semua peringkat masyarakat	Peningkatan kesedaran dan amalan gaya hidup sihat melalui penglibatan aktif dalam aktiviti sukan kecergasan, rekreasi dan sukan baharu.	2,420	2,662	2,928	3,221	3,544	**Peneraju** JBSN **Pelaksana** JBSN PSK
		Melaksanakan Sambutan Hari Wanita berkonsep sukan selaras dengan sambutan Hari Wanita Dunia	1 kali setahun	Pelaksanaan sambutan Hari Wanita yang berkonsep sukan bagi meningkatkan kesedaran dan penghargaan terhadap sumbangan wanita dalam sukan	Peningkatan pengiktirafan dan sokongan terhadap penyertaan wanita dalam semua aspek sukan negara	1	1	1	1	1	**Peneraju** JBSN **Pelaksana** JBSN PSK
2.	Program Pendidikan dan Latihan Kemahiran Sukan	Kursus latihan berteraskan pendidikan dan kemahiran bagi penggalakan sukan untuk semua	Peningkatan 5 program setiap tahun Baseline 2025: 15 program	Kepelbagaian program latihan asas sukan yang ditawarkan untuk pembangunan kemahiran penggalakan sukan	Peningkatan keupayaan dan kompetensi penggerak sukan dalam melaksanakan program penggalakan sukan yang berkualiti	20	25	30	35	40	**Peneraju** JBSN **Pelaksana** JBSN
			Peningkatan 100 pensijilan asas setiap tahun Baseline 2025: 500 orang	Peningkatan bilangan individu yang mendapat pensijilan latihan asas sukan	Pengukuhan tenaga kerja terlatih dan bertauliah dalam sektor penggalakan sukan di peringkat akar umbi	600	700	800	900	1000	**Peneraju** JBSN **Pelaksana** JBSN

Strategi 2 : Meningkatkan pembangunan kapasiti untuk pegawai teknikal, instruktur dan jurulatih wanita dalam sukan kecergasan dan rekreasi

3.	Kursus Sukan Kecergasan	Kursus pensijilan berteraskan aktiviti kecergasan contoh: Instruktor	Peningkatan 15% bilangan orang yang mendapat pensijilan setiap tahun Baseline 2025 : 130 orang	Peningkatan bilangan instruktor kecergasan bertauliah yang kompeten dalam mengendalikan aktiviti kecergasan	Peningkatan kualiti dan keselamatan pelaksanaan program kecergasan melalui bimbingan instruktor yang terlatih dan profesional	150	173	199	229	264	**Peneraju** JBSN **Pelaksana** JBSN PSK
4.	Kursus Sukan Rekreasi	Kursus pensijilan berteraskan sukan rekreasi contoh: Kejurulatihan	50 orang mendapat pensijilan setiap tahun. Baseline 2025 : 50 orang	Peningkatan bilangan kejurulatihan sukan rekreasi yang berkelayakan dan berkemahiran	Peningkatan akses dan kualiti program sukan rekreasi untuk kesejahteraan dan gaya hidup sihat masyarakat	50	50	50	50	50	**Peneraju** JBSN **Pelaksana** JBSN PSK

PENGLIBATAN

Teras 3 : PENYERTAAN DAN PENGLIBATAN (KETUA TERAS: JBSN)

Bil.	Program	Deskripsi Program	Sasaran Keberhasilan	Outcome	Impak	2026	2027	2028	2029	2030	Peneraju/ Pelaksana
5.	Program Kepegawaian Teknikal Sukan	Melahirkan Pegawai Teknikal wanita dalam sukan rekreasi dan kecergasan melalui kursus yang dianjurkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan	Peningkatan 30 orang Pegawai Teknikal Sukan dalam kalangan wanita setiap tahun. Baseline 2025 : 150 orang	Peningkatan bilangan Pegawai Teknikal wanita yang berkelayakan dalam sukan rekreasi dan kecergasan	Penyertaan yang lebih seimbang dan representasi wanita dalam kepegawaian teknikal sektor sukan rekreasi dan kecergasan	180	210	240	270	300	**Peneraju** JBSN **Pelaksana** JBSN PSK

Strategi 3 : Meningkatkan penglibatan wanita sebagai sukarelawan dalam sukan untuk semua

6.	Inisiatif menggalakkan penyertaan wanita sebagai sukarelawan sukan	Program / aktiviti yang melibatkan wanita sebagai sukarelawan sukan dalam program sukan untuk semua	Meningkatkan penyertaan sukarelawan wanita setiap tahun	Peningkatan penyertaan dan penglibatan wanita sebagai sukarelawan dalam program sukan untuk semua	Pengukuhan ekosistem sukan melalui sumbangan dan kepimpinan sukarelawan wanita dalam pelaksanaan program sukan komuniti	1,000	5,000	1,210	1,331	1,464	**Peneraju** JBSN **Pelaksana** JBSN PSK

Objektif 2 : Mengenalpasti bakat baharu dalam sukan untuk semua

Strategi 4 : Mengukuhkan pengiktirafan dan persijilan wanita di peringkat antarabangsa

7.	Program pengiktirafan dan pensijilan sukan untuk semua bertaraf antarabangsa	Penggerak sukan yang mendapat pengiktirafan dan pensijilan antarabangsa daripada badan bertauliah peringkat antarabangsa	5 orang setiap tahun	Pengiktirafan dan pensijilan antarabangsa yang diperolehi oleh penggerak sukan dari badan bertauliah peringkat antarabangsa	Peningkatan kredibiliti dan profesionalisme penggerak sukan negara di peringkat antarabangsa	5	5	5	5	5	**Peneraju** JBSN **Pelaksana** JBSN PSK

Strategi 5 : Menyediakan platform penyertaan dan pengenalpastian bakat baharu dalam sukan untuk semua

8.	Pengenalpastian bakat sukan untuk semua	Program berbentuk pertandingan yang melibatkan acara-acara sukan terpilih bermatlamat memberi ruang dan peluang kepada wanita untuk terlibat dalam sukan secara kompetitif bagi penyerlahan bakat dalam sukan untuk semua	Peningkatan 5 jenis sukan setiap tahun	Kepelbagaian sukan yang melibatkan acara pertandingan dan pengenalpastian bakat baharu	Perluasan peluang penglibatan wanita dalam pelbagai jenis sukan terpilih yang sesuai dengan minat dan kemampuan mereka	30	35	40	45	50	**Peneraju** JBSN **Pelaksana** JBSN PSK
			Peningkatan 10% bakat baharu yang dikenal pasti	Pengenalpastian bakat baharu wanita dalam sukan terpilih yang berpotensi untuk pembangunan sukan	Peningkatan laluan pembangunan bakat wanita dari penglibatan rekreasi kepada sukan berprestasi	500	550	605	665	732	**Peneraju** JBSN **Pelaksana** JBSN PSK

TERAS 3

4 TERAS

Penyelidikan & PEMBANGUNAN

Teras ini menekankan kepentingan penyelidikan dan inovasi berasaskan data bagi memperkasa wanita dalam sukan. Melalui pembangunan hab data nasional, pelaksanaan kajian komprehensif, serta penganjuran persidangan dan inisiatif inovasi, teras ini menyediakan bukti saintifik untuk menyokong dasar dan program yang lebih inklusif. Kajian dan data berkaitan wanita dalam sukan di Malaysia kini semakin berkembang, namun masih berpotensi untuk diperkukuh dan diselaraskan agar dapat dimanfaatkan secara menyeluruh dalam menyokong pembangunan sukan yang lebih inklusif.

Pelaksanaan teras ini penting untuk membina pangkalan data yang bersepadu, memperkukuh kajian berimpak tinggi, serta menggalakkan penglibatan wanita dalam penyelidikan, inovasi dan pembangunan teknologi sukan. Langkah ini akan memastikan ekosistem sukan Malaysia menjadi lebih progresif dan berasaskan bukti seterusnya menyokong penggubalan dasar yang efektif, merancang program yang lebih inklusif dan melahirkan lebih ramai pemimpin serta inovator wanita dalam sukan pada masa hadapan.



PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Teras 4 : PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (KETUA TERAS: ISN)

Objektif 1 : Meningkatkan keupayaan penyelidikan, pembangunan dan inovasi berasaskan data

Strategi 1 : Mengukuhkan hab data wanita dalam sukan

Bil.	Program	Deskripsi Program	Sasaran Keberhasilan	Outcome	Impak	2026	2027	2028	2029	2030	Peneraju/ Pelaksana
1.	Data penglibatan wanita dalam sukan	Pengumpulan data daripada semua agensi, NGO dan pemain industri	Peningkatan sekurang-kurangnya 10% data berkaitan penglibatan wanita dalam sukan pada setiap tahun Baseline 2025: 252 program	Pengumpulan dan pengurusan data penglibatan wanita dalam sukan yang komprehensif dan terkini dari pelbagai sumber	Peningkatan keupayaan membuat keputusan berasaskan data untuk perancangan dan pembangunan program sukan wanita yang lebih berkesan	10% (150 program)	30% (300 program)	20% (300 program)	20% (300 program)	10% (150 program)	**Peneraju** IYRES **Pelaksana** JBSN ISN MSN PJS
Strategi 2 : Menjalankan penyelidikan komprehensif dan menyebarluas dapatan berkaitan wanita dalam sukan											
2.	Pembangunan modul pintar berasaskan teknologi analitik dan automasi dalam sistem	Penyediaan ciri tambahan dalam sistem pengurusan maklumat sedia ada khusus bagi data berkaitan wanita dalam sukan	Membangunkan satu (1) platform web yang menghimpunkan maklumat, data, dapatan penyelidikan serta sumber sokongan bagi memperkasa penglibatan dan pembangunan wanita dalam sukan di Malaysia	Platform web sebagai hab rujukan wanita dalam sukan yang mengintegrasikan maklumat dan sumber pengetahuan bagi menyokong perkongsian maklumat, pemantauan trend dan pengurusan data secara sistematik	Meningkatkan akses wanita dalam sukan di Malaysia kepada maklumat, pengetahuan dan sokongan berasaskan bukti, seterusnya memperkasa penglibatan, pembangunan kapasiti dan prestasi wanita dalam pelbagai peranan sukan	-	1	-	-	-	**Peneraju** ISN **Pelaksana** JBSN PJS
3.	Kajian komprehensif dan berimpak tinggi	Pelaksanaan kajian komprehensif mengenai aspek-aspek utama wanita dalam sukan	Menerbitkan satu (1) laporan komprehensif kajian wanita dalam sukan	Pengurusan pengetahuan yang sistematik dan bersepadu sebagai sumber rujukan berkaitan wanita dalam sukan yang boleh dimanfaatkan oleh pembuat dasar, agensi pelaksana, persatuan sukan, penyelidik serta pihak berkepentingan bagi kegunaan semasa dan perancangan masa hadapan	Memperkukuh pembangunan dasar, perancangan program dan pelaksanaan intervensi berkaitan wanita dalam sukan yang berasaskan bukti *(evidence-based)*	1	1	1	1	1	**Peneraju** ISN **Pelaksana** IYRES MSN
			Melaksanakan kajian dalam lima (5) bidang fokus wanita dalam sukan menjelang 2030 iaitu kesihatan, kepimpinan, kejurulatihan, penyertaan dan safeguarding Baseline 2025: 3 bidang (kesihatan, kepimpinan & kejurulatihan)	Peningkatan tahap pemahaman, pengetahuan dan aplikasi amalan terbaik berkaitan wanita dalam sukan yang berasaskan bukti saintifik merangkumi lima (5) bidang fokus utama, seterusnya menyokong pembuatan keputusan, perancangan strategik dan pembangunan ekosistem sukan yang responsif gender	Meningkatkan tahap penglibatan, kesejahteraan dan prestasi wanita dalam sukan secara menyeluruh merangkumi aspek kepimpinan, kejurulatihan, penyertaan dan prestasi kompetitif, di samping memperkukuh persekitaran sukan yang selamat	3	3	4	4	5	
Strategi 3 : Menggalakkan penglibatan wanita dalam pembangunan teknologi dan inovasi berkaitan sukan											
4.	Pertandingan Inovasi Wanita dalam Sukan	Platform untuk mengangkat inovasi yang menyokong wanita dalam sukan di samping mengiktiraf pencapaian cemerlang	Pertandingan inovasi 2 tahun sekali	Pelaksanaan platform pertandingan inovasi yang menyokong idea dan pencapaian wanita dalam teknologi dan inovasi sukan	Galakan kreativiti dan penglibatan wanita dalam pembangunan penyelesaian inovatif untuk sektor sukan	1	-	1	-	1	**Peneraju** ISN **Pelaksana** IYRES
			Bilangan pencalonan meningkat Baseline 2024: 14 pencalonan	Peningkatan bilangan pencalonan inovasi daripada wanita dalam pertandingan inovasi sukan	Pengiktirafan dan sokongan terhadap sumbangan wanita dalam inovasi dan teknologi sukan di peringkat nasional	16	-	17	-	18	

5 TERAS

Promosi & ADVOKASI

Teras ini memberi tumpuan kepada usaha memperluas kesedaran, pengiktirafan dan penghargaan terhadap sumbangan wanita dalam sukan melalui strategi komunikasi yang berkesan. Pendekatan ini menekankan kepentingan memperkukuh advokasi serta naratif positif mengenai peranan wanita dalam sukan agar mesej pengupayaan dan kesaksamaan jantina dapat disampaikan kepada semua lapisan masyarakat. Inisiatif di bawah teras ini termasuk penganjuran kempen, program serta platform komunikasi seperti Jelajah Ikon Sukan yang menampilkan atlet, jurulatih, pemimpin dan ikon sukan wanita sebagai sumber inspirasi kepada masyarakat.

Melalui penggunaan pelbagai saluran media termasuk media massa, digital dan sosial, usaha promosi ini meningkatkan keterlihatan dan apresiasi terhadap pencapaian wanita dalam sukan serta mengubah persepsi masyarakat ke arah yang lebih progresif dan inklusif. Pelaksanaan teras ini dijangka memperkukuh budaya menghargai kejayaan wanita dalam sukan, memperluas kesedaran awam tentang potensi serta kepimpinan mereka.



PROMOSI DAN ADVOKASI

Teras 5 : PROMOSI DAN ADVOKASI (KETUA TERAS: UKK)

Objektif 1 : Meningkatkan penglibatan wanita melalui advokasi dan kesedaran

Strategi 1 : Mempromosikan inisiatif wanita dalam sukan

Bil.	Program	Deskripsi Program	Sasaran Keberhasilan	Outcome	Impak	2026	2027	2028	2029	2030	Peneraju/ Pelaksana
1.	Wanita Dalam Sukan di platform media yang berimpak tinggi	Memberi kesedaran dan menyampaikan maklumat terkini melalui program bual bicara (Podcast/ TV/ Radio) yang menampilkan pelbagai atlet atau tokoh sukan bagi membincangkan isu, cabaran, pencapaian wanita dalam sukan.	Melaksanakan lapan (8) episod program bual bicara (contoh: podcast/ rancangan tv dan radio) yang membincangkan isu, cabaran, pencapaian wanita dalam sukan. Platform ditentukan mengikut trend semasa. Baseline 2025: 8 episod	Peningkatan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap isu, cabaran dan pencapaian wanita dalam sukan melalui pendedahan berterusan di media arus perdana dan digital	Perubahan persepsi dan naratif positif tentang penyertaan dan sumbangan wanita dalam sukan dalam kalangan masyarakat umum	8	8	8	8	8	**Peneraju** UKK KBS **Pelaksana** UKK KBS MSN RTM BERNAMA
2.	Capaian Media Sosial *(boosting)*	Memperluaskan capaian kandungan ke kumpulan sasaran; wanita, belia, penggiat sukan dan ibu bapa, bagi memastikan maklumat disampaikan kepada kumpulan sasaran yang betul *(targeted audience)*	Memperluaskan capaian kepada tiga (3) juta di media sosial bagi semua kandungan media sosial.	Kandungan wanita dalam sukan mencapai kumpulan sasaran secara lebih berfokus dan meluas, termasuk wanita, belia, penggiat sukan dan ibu bapa	Peningkatan sokongan sosial dan penyertaan wanita dalam sukan hasil penyampaian mesej yang lebih berkesan kepada audiens sasaran	3 juta	3 juta	3 juta	3 juta	3 juta	**Peneraju** UKK KBS **Pelaksana** UKK KBS

Strategi 2 : Mempelbagaikan bahan-bahan penerbitan

3.	Video promosi wanita dalam sukan	Menerbitkan video dengan mesej kesedaran dan inspirasi penglibatan wanita dalam sukan	Menerbitkan tiga (3) video kempen/ kesedaran untuk edaran stesen televisyen bagi meningkatkan penglibatan wanita dan generasi muda di dalam bidang sukan	Peningkatan kesedaran dan inspirasi melalui kandungan visual yang menonjolkan kisah kejayaan, ketahanan dan potensi wanita dalam sukan	Pembentukan naratif positif dan berterusan yang menggalakkan lebih ramai wanita dan generasi muda untuk menyertai serta kekal aktif dalam bidang sukan	3	3	3	3	3	**Peneraju** UKK KBS **Pelaksana** UKK KBS MSN FINAS

Strategi 3 : Melaksanakan advokasi merentas pelbagai sektor

4.	Jelajah Ikon Sukan	Membawa atlet/ jurulatih/ pemimpin dan ikon sukan wanita ke program-program untuk bertemu masyarakat secara bersemuka	Memperkenalkan enam (6) atlet/ jurulatih/pemimpin dan ikon sukan wanita yang bakal memberi inspirasi kepada kumpulan sasaran terutamanya dalam kalangan kanak-kanak dan belia wanita	Interaksi langsung antara ikon sukan wanita dengan masyarakat bagi meningkatkan kefahaman, motivasi dan kepercayaan terhadap penglibatan wanita dalam sukan	Peningkatan inspirasi, kesedaran dan aspirasi kanak-kanak serta belia wanita untuk terlibat dan berjaya dalam sukan melalui interaksi langsung dengan role model wanita dalam sukan	6	6	6	6	6	**Peneraju** UKK KBS **Pelaksana** UKK KBS MSN KPM KPT

Penilaian DAN PEMANTAUAN

Mekanisme pemantauan dan penilaian diwujudkan untuk menilai kemajuan pelaksanaan Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan 2026-2030, mengenal pasti cabaran serta menyokong penambahbaikan dasar dan program secara berterusan.

Pelaksanaan pemantauan dan penilaian PTWDS 2026–2030 adalah berasaskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti melalui pelaporan berkala dan berstruktur, berteraskan data dan bukti menggunakan indikator yang boleh diukur, pendekatan bersepadu melibatkan pelbagai agensi dan pihak berkepentingan serta penambahbaikan berterusan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pelan tindakan.

Struktur tadbir urus pemantauan dan penilaian pelan ini melibatkan dua jawatankuasa utama seperti berikut:



JAWATANKUASA UTAMA:

i. Jawatankuasa Wanita Dalam Sukan

Jawatankuasa Wanita Dalam Sukan (JWDS) merupakan jawatankuasa tertinggi yang bertanggungjawab terhadap hala tuju strategik dan pemantauan keseluruhan pelaksanaan PTWDS 2026–2030.

Pengerusi: Ketua Setiausaha (KSU)

Keahlian: Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), semua Ketua Teras, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan.

Sekretariat JWDS: Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, KBS

Fungsi Utama:

a. Menetapkan hala tuju dan keutamaan strategik PTWDS;
b. Meneliti dan mempertimbangkan laporan kemajuan setiap setengah tahun;
c. Menilai pencapaian berbanding sasaran dan indikator prestasi utama;
d. Memberi keputusan dasar serta arahan penambahbaikan yang perlu; dan
e. Memastikan keselarasan PTWDS dengan dasar nasional dan komitmen antarabangsa berkaitan kesaksamaan gender.

Kekerapan Mesyuarat

JWDS perlu bersidang dua (2) kali setahun, iaitu pada pertengahan dan akhir tahun, selaras dengan peranan strategik jawatankuasa ini.

ii. Jawatankuasa Penyelarasan Program

Jawatankuasa Penyelarasan Program (JPP) bertindak sebagai jawatankuasa pelaksana yang menyelaras dan memantau pelaksanaan program dan inisiatif PTWDS di peringkat operasi.

Pengerusi: Ketua Teras

Keahlian: Semua Jabatan/Bahagian/Agensi di bawah setiap teras

Sekretariat JPP: Bahagian/Seksyen Dasar di bawah setiap Ketua Teras

Fungsi Utama:

a. Menyelaras pelaksanaan program dan inisiatif PTWDS;
b. Memantau kemajuan pelaksanaan berdasarkan pelan kerja dan garis masa;
c. Mengumpul dan menganalisis data prestasi pelaksanaan;
d. Mengenal pasti isu pelaksanaan serta mencadangkan langkah penambahbaikan; dan
e. Menyediakan laporan kemajuan berkala untuk pertimbangan JWDS.

Kekerapan Mesyuarat:

JPP perlu bersidang empat (4) kali setahun bagi memastikan pemantauan pelaksanaan yang konsisten dan teratur.

a. **Penilaian Pertengahan Penggal** pada tahun 2028 bagi menilai keberkesanan pelaksanaan dan keperluan pelarasan;
b. **Penilaian Akhir Pelan** pada tahun 2030 bagi menilai pencapaian keseluruhan dan impak PTWDS.

Kesimpulan

Pelan Tindakan Wanita dalam Sukan 2026–2030 menandakan komitmen tegas KBS untuk mengubah landskap sukan negara menjadi lebih inklusif dan adil. Pelan ini bukan sekadar dokumen strategik, tetapi rangka transformasi yang akan membuka ruang lebih luas bagi wanita untuk bersaing, memimpin dan mengukir kejayaan dalam setiap aspek sukan.

Pelaksanaan 5 teras utama yang digariskan memerlukan kerjasama menyeluruh daripada semua pihak berkepentingan iaitu agensi kerajaan, badan sukan, institusi pendidikan, sektor swasta dan masyarakat. Kejayaan pelan ini bergantung kepada kesungguhan bersama untuk melaksanakan setiap inisiatif secara konsisten, memantau kemajuan secara teliti dan menyesuaikan strategi mengikut keperluan semasa.

Melalui pelan ini, Malaysia berada di landasan yang tepat untuk melahirkan lebih ramai atlet wanita berprestasi tinggi, jurulatih berkaliber, pemimpin berpengaruh dan profesional sukan yang kompeten. Pendekatan ini mencerminkan kesaksamaan yang sebenar bahawa setiap wanita tanpa mengira latar belakang mempunyai peluang yang sama untuk berjaya dan diiktiraf.



KESIMPULAN

Sumber Rujukan

Department of Justice, United States of America. (2015). Title IX - Education Amendments 1972. United States of America.

Dipetik dari https://www.justice.gov/crt/title-ix-education-amendments-1972.

International Olympic Committee (IOC). (2020). Olympic Charter.

Dipetik dari https://olympics.com/ioc/olympic-charter

International Working Group on Women and Sports. (2014). Brighton Plus Helsinki 2014 Declaration on Women and Sport.

Dipetik dari https://iwgwomenandsport.org/brighton-declaration

Association of Southeast Asian Nations (ASEAN). (2021). Terms of Reference ASEAN Ministerial Meeting on Sports.

Dipetik dari https://asean.org/wp-content/uploads/2021/08/Terms-of-Reference-ASEAN-Ministerial-Meeting-on-Sports-AMMS.pdf

United Nations Office on Sport for Development and Peace (UNESCO). (2015). Sport and the Sustainable Development Goals: An Overview outlining the contribution of sports to the SDGs.

Dipetik dari https://www.un.org/en/chronicle/article/role-sport-achieving-sustainable-development-goals

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (IYRES). (2024). Indeks Budaya Sukan Malaysia 2023. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Jabatan Perdana Menteri. (2026). Rancangan Malaysia Ke Tiga Belas 2026-2030 (RMK13). Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Kementerian Belia dan Sukan. (2009). Dasar Sukan Negara 2009. Putrajaya: Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Kementerian Belia dan Sukan.

Kementerian Belia dan Sukan. (2018). Visi Sukan Negara 2030. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2025). Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2025-2030. Putrajaya: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Malaysia. (2002). Akta Pembangunan Sukan 1997 (Akta 576): Mengandungi segala pindaan hingga 31 Mac 2002. Pesuruhjaya Penyemakan Undang-Undang, Malaysia.